



F Pilih ayat-ayat yang betul.

1. I Pak Daus bersandarkan pada tiang seri rumahnya sambil minum kopi.
 II "Terima kasih saya ucapkan atas bantuan yang diberikan," kata Puan Ramona kepada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat itu.
 III Ayah menerima satu ekar setengah tanah daripada datuk.
 IV Yusuf rajin benar bersolat terawih di masjid di bulan Ramadan.
 A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
 B II dan III sahaja D I, II, dan IV sahaja
2. I Meningkatkan kemahiran berbahasa adalah antara faedah membaca.
 II Kita selalu diingatkan supaya memandu kenderaan dengan cermat supaya selamat.
 III Berat badannya semakin kecut akibat kekurangan zat.
 IV Adalah dimaklumkan bahawa hari raya Aidilfitri tahun ini jatuh pada 25 Julai.
 A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
 B II dan III sahaja D I, II, dan IV sahaja
3. I "Aduh, saya terlupa lagi untuk membeli barang yang awak kirim!" kata Amin kepada Asni.
 II "Jemputlah datang ke rumah saya esok jika awak ada kelapangan," Vivian mengajak kawannya.
 III "Tolong jangan membantah keputusan yang telah disepakati," kata pegerusi kepada ahli mesyuarat.
 IV "Harap semua ibu bapa dapat memenuhi tempat duduk di hadapan dewan ini," kata pengacara majlis itu.
 A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
 B II dan III sahaja D I, II, dan IV sahaja
4. I Makan nasi berulamkan timun dengan sambal belacan memang kegemaran Salim.
 II "Amboi, berani awak mengusik barang sayal" Firus memarahi Danial.
 III "Murid yang akan menjalani peperiksaan gigi sila ke Makmal Sains sekarang," arah Cikgu Julia.
 IV Kaum kerabat raja jua dikenal sebagai golongan seniman.
 A I dan II sahaja
 B II dan III sahaja
 C II, III, dan IV sahaja
 D I, II, dan IV sahaja
5. I Kanak-kanak yang hilang itu telah ditemui bersama dengan seseorang di stesen bas Mersing petang kelmarin.
 II Ali mencuci kasut sekolahnya sendiri kerana tidak mahu menyusahkan ibunya.

- III Orang-orang tua itu diraikan dalam majlis berbuka puasa di sebuah hotel terkemuka.
- IV Tempat duduk paling hadapan sekali itu dihadkan kepada guru-guru.
 A I dan II sahaja C II, III, dan IV sahaja
 B II dan III sahaja D I, II, dan IV sahaja

G Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

1. Peribahasa yang berikut bermaksud

kecil tapak tangan, nyiru saya tadahkan

- A orang yang suka membantu orang miskin
 B orang yang selalu meminta-minta
 C orang yang tidak tahu malu
 D orang yang gembira diberikan sesuatu
2. Semua peribahasa di bawah menggambarkan perbuatan yang mendatangkan kerugian, kecuali
 A kalah jadi abu menang jadi arang
 B sudah terhantuk baru tengadah
 C mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan
 D yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran
3. "Azman, apabila tiba di tempat orang nanti jangan pula dilanggar adat dan peraturan di sana," pesan ayahnya.
 Peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan dialog di atas ialah
 A di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
 B baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang
 C masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak
 D hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri
4. Peribahasa ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua membawa maksud
 A negara akan hancur jika rakyat tidak bersatu padu
 B sekumpulan orang yang bermuafakat dan tidak berubah setianya
 C seorang yang melakukan kesalahan, semua orang menerima padahnya
 D keadaan malang yang menimpa seluruh ahli masyarakat
5. Pelbagai alasan diberikan oleh Lim Shi Jie apabila disuruh ibunya mencari kerja. Sikap Lim Shi Jie ini samalah dengan peribahasa
 A hendak seribu daya tak hendak seribu dalih
 B mencurah garam ke laut
 C tepuk dada tanya selera
 D malu berdayung perahu hanyut